

Headline	Saham TNB naik, bursa catat sejarah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	22
ArticleSize	93 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,514		



## Saham TNB naik, bursa catat sejarah

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Bursa Malaysia hari ini ditutup pada paras tertinggi dalam sejarahnya pada 1,824.29 mata, didorong peningkatan ketara saham mewah milik Tenaga Nasional Bhd. (TNB) kesan semakan tarif elektrik semalam.

Paras itu merupakan yang tertinggi sejak 24 Oktober lalu iaitu sehari sebelum pembentangan Bajet 2014 pada paras 1,818.93 mata.

Sepanjang hari ini, prestasi FBMKLCI itu berlegar antara 1,840.120 dan 1,821.660 semasa sesi dagangan sebelum waktu penutupan pukul 5 petang.

Saham TNB meningkat sebanyak 8.4 peratus atau 83 sen berbanding semalam kepada RM10.72.

Menurut JF Apex Securities Bhd., meskipun prestasi pasaran Dow Jones Amerika



Syarikat (AS) mencatatkan kemerosotan, namun pengumuman semakan tarif elektrik oleh kerajaan Malaysia lebih memberi kesan drastik kepada pergerakan Bursa Malaysia.

Sementara itu, Ketua Penganalisis Bank Islam Malaysia Bhd., Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata kepada *Utusan Malaysia*, program rasionalisasi subsidi ternyata memberi kesan positif kepada pasaran tempatan.

Katanya, hal itu dapat dibuktikan oleh pengumuman terbaharu Moody's yang meletakkan tinjauan positif terhadap penarafan hutang kerajaan Malaysia.

Selain TNB, saham lain yang turut naik ialah UMW Holdings Bhd. dan Felda Global Ventures Holdings Bhd.